

TAHAP KECERDASAN EMOSI MENGIKUT MODEL
GOLEMAN DALAM KALANGAN MAHASISWA
FAKULTI TEKNIKAL DAN VOKASIONAL DI UPSI

MOHAMMAD AKMAL NASRULLAH BIN OMAR

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2023

**TAHAP KECERDASAN EMOSI MENGIKUT MODEL GOLEMAN DALAM
KALANGAN MAHASISWA FAKULTI TEKNIKAL DAN VOKASIONAL DI
UPSI**

MOHAMMAD AKMAL NASRULLAH BIN OMAR

**LAPORAN PROJEK TAHUN AKHIR INI TELAH DIKEMUKAKAN BAGI
MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA MUDA
PENDIDIKAN (REKA BENTUK DAN TEKNOLOGI) DENGAN KEPUJIAN**

**FAKULTI TEKNIKAL DAN VOKASIONAL
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2023



PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada 00 Februari 2023.

i. Perakuan pelajar:

Saya, MOHAMMAD AKMAL NASRULLAH BIN OMAR, D20191090357, FAKULTI TEKNIKAL DAN VOKASIONAL dengan ini mengaku bahawa laporan projek tahun akhir yang bertajuk TAHAP KECERDASAN EMOSI MENGIKUT MODEL GOLEMAN DALAM KALANGAN MAHASISWA FAKULTI TEKNIKAL DAN VOKASIONAL DI UPSI adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejasanya dan secukupnya.

Tandatangan Pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, DR MOHAMAD AMIRUDDIN BIN ISMAIL dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk TAHAP KECERDASAN EMOSI MENGIKUT MODEL GOLEMAN DALAM KALANGAN MAHASISWA FAKULTI TEKNIKAL DAN VOKASIONAL DI UPSI dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Fakulti Teknikal dan Vokasional bagi memenuhi sebahagian syarat untuk memperoleh IJAZAH SARJANA MUDA PENDIDIKAN (REKA BENTUK DAN TEKNOLOGI) DENGAN KEPUJIAN.

Tarikh

Tandatangan Penyelia

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN “[LAPORAN PROJEK TAHUN AKHIR]”*****DECLARATION OF “[FINAL YEAR PROJECT REPORT]”***

Tajuk / Title: TAHAP KECERDASAN EMOSI MENGIKUT MODEL GOLEMAN DALAM KALANGAN MAHASISWA FAKULTI TEKNIKAL DAN VOKASIONAL DI UPSI

No. Matrik /Matric's No: D20191090357

Saya / I: MOHAMMAD AKMAL NASRULLAH BIN OMAR
 mengaku membenarkan [Laporan Projek Tahun Akhir]* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut: -
acknowledged that my [Final Year Project Report] is kept at Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) and reserves the right as follows: -

1. Laporan Projek Tahun Akhir ini adalah hak milik UPSI.
The final year project report is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris.
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan sahaja.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of research only.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Laporan Projek Tahun Akhir ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the final year project report for academic exchange.
4. Perpustakaan tidak dibenarkan membuat penjualan salinan Tesis/Disertasi ini bagi kategori **TIDAK TERHAD**.
The Library is not allowed to make any profit for 'Open Access' Thesis/Dissertation.
5. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / *Please tick (✓) for category below:-*

☐**SULIT / CONFIDENTIAL**

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / *Contains confidential information under the Official Secret Act 1972.*

☐**TERHAD / RESTRICTED**

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / *Contains restricted information as specified by the organization where research was done.*

☐**/ TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS**

(Tandatangan Pelajar / *Signature of Student*)
 Tarikh / *Date*:

(Tandatangan Penyelia / *Signature of Supervisor*)
 & (Nama & Cop Rasmi / *Name & Official Stamp*)

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period.





PENGHARGAAN

Alhamdulillah syukur kehadiran Allah SWT atas limpah kurniannya, dapat jua saya menyiapkan tesis ini. Rasa kesyukuran dizahirkan juga buat pelbagai pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menyiapkan tesis ini. Berkat sokongan dari pelbagai pihak dapat jua saya menghasilkan tesis ini.

Pertama sekali, saya ingin berterima kasih kepada keluarga saya yang banyak membantu terutamanya ibu bapa saya iaitu Encik Omar dan Puan Rafizah dan juga adik beradik saya iaitu Syafiq, Safwan Haziq, Ajmal Hazim dan Abdullah. Sokongan dan dorongan yang diberikan kepada saya untuk tetap bersemangat menyiapkan tesis ini. Saya juga ingin berterima kasih kepada penyelia saya iaitu Dr Mohamad Amiruddin Bin Ismail kerana banyak memberi tunjuk ajar dan membimbing saya sehinggalah terhasilnya tesis ini. Segala idea, sumbangan dan pengorbanan kalian akan saya kenang sepanjang hidup saya.

Akhir kata, saya berharap semoga kajian ini dapat memberikan manfaat kepada tidak kira kepada sesiapaapun. Saya juga berharap kajian ini akan dapat membangkitkan minat golongan muda untuk mengkaji dengan lebih mendalam tentang kepentingan penjagaan kecerdasan emosi. Sebagai konklusinya, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua yang terlihat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam menyiapkan Latihan ilmiah ini. Budi dan jasa kalian hanya mampu dibalas oleh Allah S.W.T.





TAHAP KECERDASAN EMOSI MENGIKUT MODEL GOLEMAN DALAM KALANGAN MAHASISWA FAKULTI TEKNIKAL DAN VOKASIONAL DI UPSI

ABSTRAK

Kajian lapangan ini bertujuan melihat tahap kecerdasan emosi dalam kalangan mahasiswa Fakulti Teknikal Dan Vokasional di Universiti Pendidikan Sultan Idris, Perak. Subjek adalah seramai 60 orang remaja dalam lingkungan umur 21 hingga 25 tahun yang merupakan pelajar di Universiti Pendidikan Sultan Idris. Alat kajian yang digunakan adalah berbentuk borang soal selidik yang mengandungi tiga bahagian iaitu bahagian A, B dan C. Kecerdasan emosi dapat dijadikan sebagai panduan bagi mewujudkan Pendidikan yang berkualiti serta sebagai asas pemerolehan ilmu pengetahuan bagi seseorang pendidik dalam menjalankan tugasnya sebagai seorang guru. Namun begitu, adakah faktor umur dan pengalaman seseorang bakal pendidik menjejaskan kecerdasan emosi mereka apabila meneruskan pengajian di peringkat yang lebih tinggi? Oleh itu, tujuan kajian ini dijalankan untuk mengkaji tahap kecerdasan emosi mahasiswa Fakulti Teknikal Dan Vokasional dengan menggunakan soal selidik berdasarkan model Goleman iaitu kesedaran sendiri, pengawalan sendiri, motivasi sendiri, empati dan kemahiran. Bahagian A mengandungi soalan berkaitan dengan faktor demografi seperti jantina, umur dan bangsa. Bahagian B dan C mengandungi soalan bagi mengukur tahap kecerdasan emosi iaitu pengawalan emosi dan kematangan emosi. Kajian tinjauan secara pendekat kuantitatif ini melibatkan seramai 60 mahasiswa FTV yang berbeza kursus. Data yang diperolehi melalui borang soal selidik USM Emotional Quotient Inventory (USMEQ-i). Soal Selidik Kecerdasan Emosi ini mengandungi 17 soalan. Soal selidik ini dibina oleh Boyatzis, Goleman dan HayMcBar dimana ujian ini adalah untuk mengukur Tahap Kecerdasan Emosi (Boyatzis et.al 1999). Set soal selidik yang telah ditadbir kemudiannya dianalisis menggunakan Pakej Statistik Package for the Social Science (SPSS) untuk menganalisis data deskriptif. Nilai min dikira bagi menentukan tahap kecerdasan emosi dalam kalangan pelajar FTV. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap kecerdasan emosi dalam kalangan pelajar FTV berada pada tahap yang tinggi pada kedua-dua bahagian soalan (3.97 dan 4.20). Data faktor demografi telah dikumpul dengan mendapatkan taburan kekerapan dan peratusan mudah. Oleh itu, keputusan analisis menunjukkan bahawa faktor umur dan pengalaman mahasiswa tidak menjejaskan kecerdasan emosi mereka untuk meneruskan pengajian dengan cemerlang.





KANDUNGAN

Muka Surat

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	i
BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN	
LAPORAN PROJEK TAHUN AKHIR	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
KANDUNGAN	v
SENARAI JADUAL	viii
SENARAI RAJAH	ix
SENARAI SINGKATAN	x
SENARAI LAMPIRAN	xi
BAB 1 PENGENALAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Masalah	5
1.3 Pernyataan Masalah	12
1.4 Tujuan Kajian	12
1.5 Objektif Kajian	12
1.6 Persoalan Kajian	13
1.7 Kerangka Konsep Kajian	13
1.8 Kepentingan Kajian	15
1.9 Skop Kajian	15
1.10 Batasan Kajian	15



BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	16
2.2	Teori Goleman	22
2.3	Kecerdasan	24
2.4	Emosi	25
2.5	Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Emosi	25
2.6	Kecerdasan Emosi	26
2.6.1	Perkaitan kecerdasan emosi dengan umur	26
2.6.2	Perkaitan kecerdasan emosi dengan pengalaman kerja	27
2.7	Ciri-Ciri Individu Yang Mempunyai Kecerdasan Emosi Yang Tinggi	27
2.8	Model Kecerdasan Emosi Goleman	28
2.8.1	Kesedaran sendiri	29
2.8.2	Pengawalan sendiri	31
2.8.3	Motivasi sendiri	32
2.8.4	Empati	34
2.8.5	Kemahiran sosial	37
2.9	Kajian Lepas	39

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	45
3.2	Reka Bentuk Kajian	45
3.3	Instrumen Kajian	
3.3.1	Kaedah kuantitatif	46
3.3.2	Kaedah Analisis Data	46
3.3.3	Borang Soal Selidik	47

3.4	Populasi Dan Sampel	51
3.5	Kerangka Konseptual	52
3.6	Prosedur Pengumpulan Data	52
BAB 4 DAPATAN KAJIAN		
4.1	Pengenalan	53
4.2	Huraian Latar Belakang Responden	
4.2.1	Jantina	53
4.2.2	Kategori umur	54
4.2.3	Bangsa	54
4.3	Analisis Pengawalan Emosi	55
4.4	Analisis Kematangan Emosi	59
BAB 5 KESIMPULAN DAN PERBINCANGAN		
5.1	Pengenalan	63
5.2	Ringkasan Dapatan Kajian	63
5.3	Rumusan Dapatan Kajian	64
5.4	Cadangan Mengekalkan Kecerdasan Emosi	65
5.5	Kesimpulan	69
RUJUKAN		71
LAMPIRAN		73

**SENARAI JADUAL**

Jadual		Muka Surat
3.1	Interprestasi Tahap Kecerdasan Emosi	50
4.1	Taburan Responden Mengikut Jantina	53
4.2	Taburan Responden Mengikut Kategori Umur	54
4.3	Taburan Responden Mengikut Bangsa	54
4.4	Analisis Deskriptif Bagi Item Pengawalan Emosi	55
4.5	Analisis Deskriptif Bagi Item Kematangan Emosi	59



SENARAI RAJAH

Rajah		Muka Surat
1.1	Kerangka Konsep Kajian	13
2.1	Model Kecerdasan Emosi Goleman (Goleman, 2006)	28
3.1	Kerangka Konseptual	52

**SENARAI SINGKATAN**

TVET	<i>Technical Vocational Education and Training</i>
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
UPSI	Universiti Pendidikan Sultan Idris
FTV	Fakulti Teknikal dan Vokasional
COVID-19	<i>Coronavirus Disease 2019</i>
UTHM	Universiti Tun Hussein Onn
ISMP	Ijazah Sarjana Muda Pendidikan
SPSS	<i>Statistical Package for The Social Science</i>
IPTA	Institut Pengajian Tinggi Awam
IPTS	Institut Pengajian Tinggi Swasta
EQ	Kecerdasan Emosi
IQ	Kecerdasan Intelektual
DPLI	Diploma Pendidikan Lepas Ijazah
GST	Guru Sandaran Terlatih
GSTT	Guru Sandaran Tidak Terlatih



SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN A	Borang Soal Selidik Kesahan Instrumen Kajian kepada Pakar
LAMPIRAN B	Borang Soal Selidik <i>Google Forms</i>

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 PENGENALAN

Pendidikan merupakan suatu proses pengajaran dan pembelajaran yang memerlukan kepakaran dan keterampilan khusus. Pendidikan memainkan peranan penting dalam pembangunan sesebuah negara baik negara membangun atau negara maju. Pada asasnya, sistem pendidikan ingin melahirkan generasi yang seimbang dari segi jasmani, rohani, intelek dan emosi. Mutu pendidikan yang baik secara langsung atau tidak langsung akan memberikan sumbangan kepada pembentukan generasi cemerlang. Mutu pendidikan yang cemerlang pula banyak bergantung kepada produktiviti yang tinggi dalam kalangan pendidik, terutama para guru (Ibrahim, 2003). Pendidikan guru yang cemerlang banyak dipengaruhi oleh sikap dan nilai yang berkesan melalui sesuatu institusi itu. Menurut Selamat (2000), sikap, nilai serta prestasi guru memberikan implikasi yang besar terhadap pengajaran dan pembelajaran. Prestasi ini bermaksud merujuk kepada tahap pendidikan guru tersebut dari segi emosi, ilmu pengetahuan dan maklumat yang perlu diketahui oleh seseorang guru.

Menurut Kamus Dewan edisi ketiga, emosi dapat ditakrifkan sebagai suatu perasaan atau jiwa yang kuat. Menurut Oxford English Dictionary pula, emosi bermaksud setiap pergerakan atau pergolakan fikiran, perasaan, nafsu; setiap keadaan mental yang hebat atau meluap-luap. Secara umumnya emosi bermaksud perasaan. Manusia merupakan antara hidupan yang memiliki emosi yang sangat kompleks dan halus. Emosi juga adalah adaptasi evolusi, kerana meningkatkan kemampuan organisma untuk mengalami dan mengevolusi lingkungannya dan kemudian menambah kemungkinan hidup dan beriproduksi. Kompetensi Kecerdasan Emosi ialah kebolehan untuk mengenali perasaan diri sendiri dan juga perasaan orang lain serta memotivasikan diri untuk mengurus emosi diri serta perhubungan kita dengan orang lain dengan baik. Kemahiran ini amat penting dan perlu dipraktikkan oleh setiap guru dalam proses mendidik murid-murid dan anak-anak di rumah serta dalam kehidupan seharian. Tambahan pula, kesedaran sendiri melibatkan kepercayaan dan keyakinan pada diri sendiri. Individu yang sentiasa dalam keadaan sedar akan jenis-jenis emosinya mampu mengawal dan mengelakkan berlaku kejadian yang tidak diingini.

Elemen yang perlu dititikberatkan dalam menghasilkan pendidik yang berkualiti perlu mementingkan persiapan mental dan fizikal. Oleh itu, dalam kajian ini unsur yang telah diberikan keutamaan meliputi aspek kecerdasan emosi. Domain utama yang akan diuji dalam kajian ini ialah aspek kesedaran sendiri, pengawalan sendiri, motivasi sendiri, empati dan kemahiran sosial. Perkataan emosi berasal dari perkataan Greek iaitu *emovere* yang bermaksud emosi akan ditonjolkan keluar sebagai satu bentuk bagi memenuhi kepuasan seseorang. Menurut Abd. Hamid (2006), emosi dan perasaan seperti tangisan, gelak ketawa, kesedihan dan ketakutan mencorakkan warna kehidupan, membentuk sikap dan personaliti serta menggerakkan arah hidup manusia. Emosi juga boleh ditakrifkan sebagai satu keadaan yang dialami oleh manusia yang melibatkan beberapa perubahan proses fisiologi, diri dan psikologi.

Emosi menjadi topik perbualan sejak dua menjak ini. Ini kerana masalah tekanan emosi merupakan salah satu krisis utama atau penyumbang dalam pembangunan diri manusia. Hal ini kerana, emosi menjadikan manifestasi terhadap kesejahteraan sendiri manusia dan juga mempengaruhi keputusan dan tindakan seseorang dalam kehidupan. Seseorang itu memerlukan kefahaman terhadap emosi demi kesedaran dan pengetahuan yang mendalam mengenai kekuatan, kelemahan, kehendak dan keperluan individu. Justeru, individu yang dapat mengenal pasti dan mengawal emosinya sebaik sahaja muncul satu perasaan dalam diri merupakan individu yang berjaya memiliki kunci kepada kecerdasan emosi, mengenali diri dan mengawal tingkah lakunya untuk menjalani kehidupan dengan lebih baik. Selain itu, keupayaan memahami emosi sendiri akan menampilkan seseorang lebih berketerampilan serta berkeyakinan dalam membuat keputusan.

Kajian yang dilaksanakan berkaitan aspek emosi menunjukkan bahawa emosi merupakan komponen yang penting dalam mempengaruhi, mendatangkan bahaya mahupun kebaikan kepada individu dalam membuat sesuatu keputusan (Lerner et al., 2015). Keputusan yang dipengaruhi emosi negatif boleh menimbulkan pelbagai implikasi buruk dengan individu lain. Contohnya, tidak mahu mendengar penjelasan sebenar, tidak berfikir sebelum bertindak dan sebagainya. Namun jika disalurkan dengan cara yang betul, emosi boleh menjadi potensi kepada sesuatu kejayaan dan pencapaian. Oleh yang demikian, penelitian terhadap komponen emosi adalah penting untuk menentukan impak dan aspek-aspek yang mempengaruhinya termasuklah regulasi emosi. Kecerdasan emosi adalah keupayaan seseorang untuk menyatakan, mengenali, melihat, menggunakan dan mengurus emosinya sendiri atau emosi orang lain (Matthews et al., 2017).

Sependapat dengan beliau, Feldman dan Mulle (2009) kecerdasan emosi sebagai kebolehan seseorang individu menggunakan emosinya dengan bijak untuk meningkatkan prestasi dan mencapai komunikasi yang berkesan dengan individu lain. Manakala Akinboye (2003), menganggapnya sebagai kemampuan untuk mengatur proses persepsi, gerak hati dan pemikiran yang didorong oleh emosi. Tambahan itu, Hakimi dan Bashar (2015), menggambarkan kecerdasan emosi sebagai kemampuan untuk kekal fokus dalam mendepani konflik, menangani kritikan, mengawal kemarahan dan menguruskan pelbagai bentuk konfrontasi yang boleh merosakkan kehidupan seseorang. Oleh itu, kecerdasan emosi boleh dikatakan sebagai seni dalam menangani situasi yang melibatkan aspek pengurusan dan hal berkaitan emosi.

Selain terpaksa berhadapan dengan pandemik COVID-19, negara turut dihujani dengan pertambahan angka statistik bagi individu yang mengalami masalah kesihatan mental dan emosi. Jika dilihat Laporan Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi (2019), hampir setengah juta rakyat (2.3 peratus) di negara ini dalam kalangan dewasa mengalami simptom tekanan atau depresi. Walau bagaimanapun, dengan mengamalkan gaya hidup sihat dan mempunyai kemahiran aspek psikologi, seperti kemahiran mengurus diri dan kecerdasan emosi, ia merupakan salah satu aset kesihatan individu yang terpenting dalam membantu mengurangkan kesan negatif akibat tekanan yang timbul disebabkan pandemik ini dan membantu meningkatkan serta mengekalkan tahap kesihatan semasa individu.

Perkataan emosi berasal dari perkataan Greek iaitu 'emovere' bermaksud 'untuk keluar'. Emosi dizahirkan oleh manusia sebagai suatu bentuk tindakan yang memenuhi keinginan dan kepuasan diri, suatu keadaan di mana perasaan yang ditunjukkan pada proses fisiologi dan psikologi seseorang individu (Mohd Nazar, 1992). Kecerdasan emosi menurut Habibah dan Noran (1997) adalah merupakan suatu kebolehan menaakul dengan baik dan logik, kebolehan menyelesaikan masalah, kebolehan bertutur dengan lancar, kebolehan membaca dengan meluas, menguasai perbendaharaan kata dengan baik, kebolehan membaca dengan kefahaman, kebolehan menulis dengan baik, ingatanyang baik dan pengetahuan yang luas. Mayer dan Cobb (2000) mendefinisikan kecerdasan emosi sebagai kebolehan memproses maklumat berkaitan emosi dan mentakrifkannya sebagai persepsi, sikap, memendam perasaan dan juga pengurusan emosi. Sanitah dalam Mohd Azhar (2004) berpandangan kecerdasan emosi mempunyai peranan penting dalam bidang pendidikan, menjadi pendukung kepada kecerdasan intelek dan menjamin kualiti produk yang dihasilkan dalam setiap peringkat pendidikan sama ada kanak-kanak atau orang dewasa. Ahmad Shukri dalam Mohd Azhar (2004) meninjau sistem

pendidikan di Malaysia berorientasikan akademik dan aspek teknikal yang bersifat logikal dan analitikal.

Beliau berpandangan keadaan ini kurang sesuai dengan keperluan masa kini, individu yang mempunyai pencapaian yang cemerlang dalam akademik perlu juga mempunyai kecerdasan emosi untuk berjaya dalam kehidupan berkerjaya dan kehidupan peribadi. Ini disokong dengan pandangan Mayer et al (1999) menyatakan bahawa kecemerlangan individu bergantung pada kecerdasan emosinya. Kajian ini mengupas kecerdasan emosi berdasarkan model Kecerdasan Emosi yang dikemukakan oleh Goleman (1995). Menurut beliau dalam mengharungi hidup ini, ketakutan, kerisauan mempengaruhi manusia dari hari ke hari. Individu yang mempunyai tahap kecerdasan emosi yang tinggi adalah seorang individu yang boleh mengawal perasaan dan tindakan sendiri, mempunyai daya ketahanan untuk mencapai matlamat hidup, boleh mengurus perasaan negatif serta mudah menjalin persahabatan dengan orang lain (Goleman, 1996). Perasaan atau emosi ini memainkan peranan yang penting dalam kesejahteraan, kebahagiaan dan kecemerlangan seseorang sama ada dalam kehidupannya secara personal ataupun secara profesional (Goleman, 1995; Prakas Rao, 2001).

Kecerdasan adalah kebolehan menaakul dengan baik dan logik, menyelesaikan masalah, bertutur dengan lancar, membaca dengan meluas, menguasai perbendaharaan kata yang baik, membaca dengan kefahaman, menulis dengan baik, ingatan yang baik dan pengetahuan yang luas (Ishak, 2005). Menurut Goleman (1995), beliau menerangkan bahawa tahap kecerdasan emosi seseorang individu adalah merupakan faktor utama kepada penentuan kejayaan seseorang individu, terutamanya pelajar. Dalam bukunya, *Emotional Intelligence*, beliau berpendapat bahawa kecemerlangan seseorang individu adalah bergantung kepada 20% daripada kecerdasan intelek dan 80% adalah bergantung kepada pengurusan emosi secara berkesan.

Dalam kajian ini pengkaji ingin menguji Tahap Kecerdasan Emosi dalam Kalangan Mahasiswa FTV di Universiti Pendidikan Sultan Idris.

1.2 LATAR BELAKANG MASALAH

Pada masa kini kehidupan manusia penuh dengan cabaran dan persaingan yang memerlukan seseorang individu mempunyai kekuatan mental dan fizikal dalam menghadapi segala rintangan dan untuk memperjuangkan hidup. Tetapi dengan hanya mempunyai kekuatan mental dan fizikal adalah tidak cukup untuk membantu seseorang individu meneruskan kehidupan kerana individu akan berhadapan dengan pelbagai masalah seperti masalah ekonomi, kesihatan, sosial, kerjaya, keselamatan dan pelbagai lagi. Bagi menjadikan seseorang individu itu kuat untuk menghadapi semua cabaran dalam kehidupan adalah penting mempunyai kekuatan emosi atau lebih dikenali sebagai kecerdasan emosi. Di dalam media elektronik dan media cetak banyak memaparkan isu-isu semasa yang menyentuh tentang masalah-masalah dalam masyarakat yang boleh dikaitkan dengan masalah emosi manusia pada masa kini seperti kes cubaan membunuh diri dikalangan wanita, lari dari rumah, penculikan kanak-kanak, pembunuhan, ragut, dan sebagainya. Sesetengah masalah yang berlaku ini adalah disebabkan tekanan hidup yang semakin meruncing dihadapi oleh individu dalam sesebuah masyarakat. Tekanan hidup ini berlaku apabila individu tidak dapat mengatasi masalah-masalah yang dihadapi disebabkan tidak dapat mengawal emosi. Oleh itu kecerdasan emosi adalah penting dalam diri seseorang individu bagi mengawal tekanan yang berlaku pada diri disebabkan faktor-faktor persekitaran di mana individu akan mengalami tekanan sekiranya tidak dapat menyesuaikan diri dengan keadaan yang berlaku.

Kecerdasan emosi adalah satu kemahiran dan kebolehan untuk mengawasi diri sendiri dan juga orang lain dari segi perasaan dan emosi serta dapat membezakan kedua-dua perkara tersebut dan boleh menggunakan kemahiran tersebut untuk memandu pemikiran dan tindakan. Pandangan Goleman (1995) berkenaan Kecerdasan Emosi ialah terdapat 5 domain utama iaitu memahami emosi sendiri, kebolehan mengendalikan emosi, memotivasikan diri, menyedari emosi orang lain dan mengendalikan hubungan dengan orang lain. Daniel Goleman dalam bukunya *Working with Emotional Intelligence* (Goleman, D. 1998 dalam A.J.Michael 2006) menyatakan bahawa penilaian seseorang individu bukan sahaja diasaskan kepada kecerdasan intelektual (IQ) tetapi yang lebih penting ialah kecerdasan emosi (EQ). Dengan menitikberatkan EQ individu akan mendapat keseimbangan dari segi mental dan emosi. Kecemerlangan diri seseorang individu juga tidak hanya melibatkan kejayaan dari segi keupayaan mental sahaja, iaitu dari segi pencapaian diri melalui akademik semata-mata tetapi kemantapan emosi dalam

diri menjadi paduan yang dinamik dengan keupayaan mental menghasil individu yang unggul dalam menghadapi cabaran hidup pada masa kini yang makin mencabar dengan pelbagai tekanan dalaman dan luaran. Pada masa kini pelbagai pihak telah menyedari tentang kepentingan kecerdasan emosi yang harus diberi penekanan khusus dalam diri individu kerana ia dapat memberi kesejahteraan kepada semua lapisan ahli masyarakat bermula dari kanak-kanak hinggalah dewasa. Sebagaimana yang telah dilakukan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam dimana jabatan ini telah memperkenalkan program-program bagi mewujudkan kesedaran dikalangan anggotanya tentang kepentingan kecerdasan emosi.

Selain daripada itu, kepentingan kecerdasan emosi juga telah termaktub didalam Falsafah Pendidikan Negara yang mana negara kita turut mementingkan perkembangan kesejahteraan emosi dalam diri setiap pelajar seperti petikan berikut: "Pendidikan di Malaysia adalah satu usaha yang berterusan ke arah memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan." Masyarakat pada masa kini lebih memberi perhatian kepada kecerdasan intelek atau dikenali sebagai Intelligent Quotient (IQ). Kecerdasan intelek menjadi lebih penting kerana terdapat lebih ramai individu yang mendapat pendidikan tinggi, nutrisi yang lebih baik, ilmu pengetahuan mudah diperolehi melalui pendidikan secara langsung atau tidak langsung seperti media cetak dan media elektronik.

Selain itu dalam institusi keluarga sekarang lebih mengamalkan keluarga nuklear menyebabkan ibu bapa dapat memberi perhatian kepada pendidikan anak-anak. Tetapi keadaan ini menyebabkan berlaku pengabaian terhadap kecerdasan emosi individu. Gejala-gejala yang menunjukkan kemerosotan kecerdasan emosi (EQ) ialah seperti keganasan, jenayah, penyalahgunaan dadah, kemurungan dikalangan kanak-kanak dan remaja, pembuangan bayi, pembuluan di sekolah, keciciran di sekolah, penyakit pemakanan, alienasi dan sebagainya (A.J. Michael, 2006). Kecerdasan emosi merupakan satu aspek penting yang ada dalam diri dan berkait rapat dengan masalah tekanan hidup yang dialami dikalangan remaja.

Kecerdasan emosi dilihat boleh mempengaruhi tekanan yang dihadapi oleh remaja sepanjang kehidupan mereka. Pada peringkat remaja, golongan ini melalui zaman peralihan dari zaman kanak-kanak kepada zaman dewasa dimana remaja akan mengalami perubahan-perubahan pada diri mereka seperti perubahan biologi, fizikal, mental dan emosi. Selain itu, remaja akan mengalami tekanan sepanjang kehidupan mereka apabila berlaku perubahan peranan dan tanggungjawab samada di rumah, bersama rakan-rakan dan disekolah atau apabila melanjutkan pelajaran ke Institusi Pengajian Tinggi.

Apabila dilihat dari segi cara hidup pada masa kini di mana manusia sentiasa bergerak dengan lebih pantas dan mengejar masa setiap hari untuk melakukan aktiviti harian, remaja juga golongan yang tidak boleh lari dari mengalami tekanan akibat kehidupan semasa tersebut. Kebanyakan tekanan dikalangan remaja merupakan sebahagian daripada pengalaman yang normal berlaku dalam menghadapi cabaran dalam kehidupan. Tetapi remaja juga mungkin menghadapi pengalaman tekanan yang kronik atau tekanan yang menyebabkan tingkah laku negatif. Melalui zaman remaja bukanlah sesuatu yang mudah kerana individu mungkin akan menghadapi tekanan dalam mengharungi kehidupan sebagai seorang remaja. Remaja yang mengalami tekanan yang tinggi boleh membawa kepada masalah kebimbangan, kemurungan, withdrawal, aggression, penyakit fizikal dan coping skill yang rendah. Tekanan yang dihadapi ini boleh diatasi jikalau punca atau ransangan yang menyebabkan berlakunya tekanan itu dihapuskan (Mahmood Nazar Mohamed, 1990). Biasanya mereka yang sering menghadapi tekanan hasil daripada punca emosi ini lebih suka bersendirian, tidak bercampur gaul, kebosanan dan tidak mengetahui cara mengisi masa lapang dengan aktiviti-aktiviti yang berfaedah.

Cox & Brockley (1984) dan Nordin (2004) berpendapat stres adalah satu fenomena persepsi yang wujud daripada satu perbandingan di antara arahan yang diberikan oleh seseorang dengan kebolehan untuk melakukan arahan tersebut dengan jayanya. Ketidakseimbangan dalam mekanisme ini menyebabkan wujudnya pengalaman ketegangan yang mana akan diikuti pula oleh gerak balas ketegangan. Ishak et al. (2003) menyatakan bahawa stres guru boleh ditakrifkan sebagai perasaan tidak selesa, emosi negatif seperti marah, kebimbangan, tekanan serta kekecewaan yang berpunca dari aspek kerja mereka sebagai seorang guru. Masalah pengurusan emosi juga perlu dilihat dari aspek kesannya ke atas individu, masyarakat dan juga negara.

Secara umumnya, tugas utama seorang guru adalah untuk memudahkan pembelajaran pelajar. Oleh itu, menjadi kewajipan kepada seseorang guru untuk menyediakan suasana pembelajaran yang menarik serta menghasilkan pengajaran yang berkesan. Menurut Alsagoff (1984), pengajaran berkesan bermaksud guru yang dapat membawa perubahan kepada pelajar dengan mencapai hasil pembelajaran yang diinginkannya. Perkara ini melibatkan corak pengajaran berstruktur dari segi organisasi bilik darjah serta penyampaian isi pelajaran. Selain itu, pengajaran berkesan boleh dirujuk sebagai pendekatan pengajaran oleh guru yang lebih berpusatkan pelajar sehingga dapat menarik perhatian untuk bersama-sama mengikuti aktiviti pembelajaran.

Penyataan ini disokong oleh Boon & Chua (1992), menyatakan proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah perlu melibatkan dua pihak iaitu guru dan pelajar. Oleh itu pengajaran yang ideal hendaklah memberi kesan penuh ke atas pembelajaran yang berlaku. Dalam proses pengajaran dan pembelajaran, seseorang guru perlu berhadapan dengan pelajar yang berbeza dari segi kebolehan, pemikiran serta tingkah lakunya. Oleh itu, guru perlu menyiapkan diri dari segi mental, emosi dan menentukan pendekatan pengajaran serta memilih teknik pengajaran yang sesuai dengan perkembangan kebolehan pelajar. Namun begitu, tugas guru bukan sahaja sebagai pengajar, tetapi guru perlu melakukan kerja-kerja pentadbiran, menjalankan kegiatan kokurikulum serta melibatkan diri di dalam persatuan ibu bapa dan guru (Mohamad et al., 2007).

Waktu bekerja seorang guru juga tidak menentu kerana guru perlu melakukan pelbagai tugas untuk melaksanakan kegiatan kokurikulum. Menurut Ishak (2005), profesion perguruan merupakan profesion yang tidak mempunyai masa kerja yang jelas antara masa bekerja dan masa tidak bekerja. Selain daripada mengajar di waktu persekolahan, guru juga dikehendaki datang ke sekolah pada waktu petang, pada hujung minggu dan pada hari-hari cuti untuk menjalankan kegiatan kokurikulum seperti badan beruniform, kelab dan lain-lain. Apabila dilambakkan dengan bebanan kerja yang banyak, emosi seseorang tidak akan stabil dan akan mengalami gangguan stres. Cox & Brockley (1984) dan Nordin (2004) berpendapat stres adalah satu fenomena persepsi yang wujud daripada satu perbandingan di antara arahan yang diberikan oleh seseorang dengan kebolehan untuk melakukan arahan tersebut dengan jayanya. Ketidakeimbangan dalam mekanisme ini menyebabkan wujudnya pengalaman ketegangan yang mana akan diikuti pula oleh gerak balas ketegangan. Ishak et al. (2003) menyatakan bahawa stres guru boleh ditakrifkan sebagai perasaan tidak selesa, emosi negatif seperti marah, kebimbangan, tekanan serta kekecewaan yang berpunca dari aspek kerja mereka sebagai seorang guru.

Masalah pengurusan emosi juga perlu dilihat dari aspek kesannya ke atas individu, masyarakat dan juga negara. Gangguan dan ketegangan emosi yang tinggi atau berterusan bukan hanya mempengaruhi tingkah laku tetapi juga sikap dan keadaan psikologi, nilai dan kebolehan mereka (Cross, 1974). Oleh itu, kecenderungan dalam mengawal keadaan emosi dengan baik adalah faktor penentu kecemerlangan sesuatu urusan sama ada secara personal mahupun profesional. Seseorang guru itu perlu bersedia dalam pengawalan emosi melalui elemen-elemen yang terdapat di dalam model kecerdasan emosi Goleman iaitu seperti kesedaran sendiri, pengawalan sendiri, motivasi sendiri, empati dan kemahiran sosial.

Menurut Burzi (2004), individu yang mempunyai persepsi yang mereka berkebolehan dalam sesuatu keadaan akan juga mempunyai persepsi dapat mengawal situasi itu. Begitu juga dengan seorang guru, di mana jika seseorang guru mempunyai kesedaran sendiri dengan kemampuan dirinya maka guru tersebut juga akan dapat mengawal dirinya di dalam sesuatu keadaan. Mohamad et al. (2007) pula menyatakan seseorang guru perlu untuk bekerja keras untuk sedaya upaya menawan hati pelajar agar menumpukan pada pembelajaran dan pengajaran dalam kelas. Guru tersebut hendaklah guru yang bermotivasi tinggi bagi mendorong semangat pelajar-pelajarnya. Oleh itu, seseorang guru perlu mempunyai kemahiran motivasi di dalam dirinya terlebih dahulu sebelum berhadapan dengan pelajar-pelajar. Melalui kajian Skovholt & D'Rozario (2000), guru cemerlang didapati mempunyai atribusi atau domain kecerdasan emosi seperti empati dan kemahiran sosial. Kajian ini juga menunjukkan bahawa guru-guru cemerlang mempunyai tahap kepintaran interpersonal dan intrapersonal yang tinggi. Di sebabkan itu, untuk menjadi seorang guru yang cemerlang, guru tersebut perlu mempunyai sikap yang empati dan kemahiran sosial yang tinggi. Dengan ketahuinya keadaan kecerdasan emosi seseorang, ia akan menjadikan individu tersebut lebih prihatin pada diri sendiri serta orang lain. Dalam kajian ini, kecerdasan emosi para pelajar yang berlatar belakangkan seorang guru telah dinilai. Pelajar Diploma Pendidikan Lepas Ijazah (DPLI) adalah pelajar yang boleh digelar guru novis, di mana guru yang bakal menamatkan program pendidikan guru dan baru memulakan perkhidmatannya di sekolah-sekolah.

Menurut Zamri et al. (2007), guru novis merupakan guru-guru sandaran terlatih yang ditempatkan di sekolah-sekolah selepas menjalani latihan perguruan dalam satu jangka masa yang ditetapkan oleh maktab-maktab perguruan atau universiti-universiti. Manakala Ibrahim et al. (2006) dan Khalid (2009) memberi definisi guru novis sebagai guru baru yang terlatih dan mula berkhidmat di antara satu hingga tiga tahun, dalam tempoh percubaan dan belum disahkan lagi dalam jawatan. DPLI telah diwujudkan selaras Mesyuarat Penyelarasan Kementerian Pelajaran Malaysia dengan Kementerian Pengajian Tinggi pada 29 Ogos 2006. Calon bagi menduduki Diploma Pendidikan ini adalah Guru Sandaran Tidak Terlatih (GSTT) yang telah berkhidmat di sekolah-sekolah di Malaysia. Perkara ini berbeza dengan guru novis kerana guru novis ini di kategorikan sebagai Guru Sandaran Terlatih (GST). Calon GSTT yang terpilih wajib memenuhi tempoh pengajian yang telah ditetapkan bagi membolehkan penempatan yang tetap sebagai seorang pendidik dengan memiliki ikhtisas pendidikan. Menurut Humphrey et al. (2007), pendidikan dan latihan ikhtisas guru merupakan faktor yang paling utama dalam menentukan kualiti guru dan kualiti pengajaran. Kalangan pakar telah sepakat bahawa penguasaan pengetahuan dalam bidang pengajaran menjadi ciri yang paling penting dalam pengajaran guru.

Kecerdasan emosi para pelajar mungkin dikatakan tidak sama jika dibandingkan dengan seseorang yang telah bergelar pekerja. Kecerdasan emosi dijadikan sebagai asas pemerolehan ilmu pengetahuan. Kecerdasan emosi dapat dijadikan sebagai panduan bagi mewujudkan pendidikan yang berkualiti (Uno, 2006). Para pelajar mempunyai tahap kebolehan yang hampir sama tetapi pencapaian akademik mereka adalah berbeza. Hal ini disebabkan kecerdasan emosi mempengaruhi tahap pencapaian mereka. Jika dilihat perbezaan pelajar biasa dan pelajar DPLI, terdapat berbagai faktor demografi yang berbeza dari segi umur dan pengalaman di dalam bidang pendidikan. Latar belakang pendidikan dan pengalaman mengajar akan lebih meningkatkan tahap keyakinan seseorang itu mengenai sesuatu prinsip, nilai dan tanggapan yang berbeza di antara satu sama lain. Golongan pendidik khususnya guru selalunya mempunyai pelbagai latar belakang pendidikan dalam kelayakan akademik serta latihan. Mereka dibahagikan dengan beberapa kategori perkhidmatan berdasarkan tahap pengalaman mengikuti latihan yang berbeza (Mok, 2008). Mereka mempunyai pengalaman sebagai seorang pendidik serta pengalaman mengenai pengurusan emosi. Oleh itu, apabila menjadi seorang pelajar semula, adakah mereka mengalami pelbagai masalah terutamanya dari segi kecerdasan emosi? Kebolehan dan kepintaran bertindak seseorang diperlukan dalam menyesuaikan diri dalam pelbagai keadaan serta untuk memenuhi potensinya. Menurut Goleman (2006), kebolehan seseorang menerima cabaran sentiasa berubah mengikut keadaan dan amat berkait rapat dengan kebolehan dan kestabilan emosi seseorang. Kemampuan memahami dan mengendali emosi diri dan orang lain ini digambarkan oleh Goleman dalam konsep kecerdasan emosi.

Berdasarkan latar belakang masalah, penyelidik berpendapat bahawa proses pengajaran dan pembelajaran di peringkat universiti agak memberi tekanan kepada para pelajar DPLI dengan pelbagai kerja kursus yang mempunyai tugas dan juga projek yang perlu dilaksanakan. Tidak semua pelajar mampu menghadapi situasi ini terutamanya bagi pelajar yang berumur serta mempunyai komitmen yang seperti bekerja dan mempunyai keluarga. Pelajar DPLI juga adalah pelajar yang telah mempunyai pengalaman bekerja sebagai pengajar. Jika hendak dibandingkan mereka dengan pelajar lain, mungkin mereka akan menghadapi tahap tekanan yang agak tinggi. Melalui kajian lepas, responden yang berumur mendapat skor kecerdasan emosi yang tinggi. Begitu juga dengan kumpulan responden yang berpengalaman, iaitu mendapat skor yang tinggi. Isunya, adakah kecerdasan emosi pelajar DPLI tinggi berdasarkan faktor pengalaman dan umur? Melalui kajian ini, kecerdasan emosi pelajar DPLI telah dikaji melalui model Goleman iaitu kesedaran sendiri, pengawalan sendiri, motivasi sendiri, empati dan kemahiran sosial.



Gangguan dan ketegangan emosi yang tinggi atau berterusan bukan hanya mempengaruhi tingkah laku tetapi juga sikap dan keadaan psikologi, nilai dan kebolehan mereka (Cross, 1974). Oleh itu, kecenderungan dalam mengawal keadaan emosi dengan baik adalah faktor penentu kecemerlangan sesuatu urusan sama ada secara personal mahupun profesional. Seseorang guru itu perlu bersedia dalam pengawalan emosi melalui elemen-elemen yang terdapat di dalam model kecerdasan emosi Goleman iaitu seperti kesedaran sendiri, pengawalan sendiri, motivasi sendiri, empati dan kemahiran sosial. Menurut Burzi (2004), individu yang mempunyai persepsi yang mereka berkebolehan dalam sesuatu keadaan akan juga mempunyai persepsi dapat mengawal situasi itu.



1.3 PENYATAAN MASALAH

Berdasarkan latar belakang masalah, penyelidik berpendapat bahawa proses pengajaran dan pembelajaran di peringkat universiti agak memberi tekanan kepada para pelajar FTV dengan pelbagai kerja kursus yang mempunyai tugas dan juga projek yang perlu dilaksanakan. Tidak semua pelajar mampu menghadapi situasi ini terutamanya bagi pelajar yang berumur serta mempunyai komitmen yang seperti bekerja dan mempunyai keluarga. Sesetengah pelajar FTV juga adalah pelajar yang telah mempunyai pengalaman bekerja dan ada yang bekerja sambil. Jika hendak dibandingkan mereka dengan pelajar lain, mungkin mereka akan menghadapi tahap tekanan yang agak tinggi. Melalui kajian lepas, responden yang berumur mendapat skor kecerdasan emosi yang tinggi. Begitu juga dengan kumpulan responden yang berpengalaman, iaitu mendapat skor yang tinggi. Melalui kajian ini, kecerdasan emosi pelajar FTV telah dikaji melalui model Goleman iaitu kesedaran sendiri, pengawalan sendiri, motivasi sendiri, empati dan kemahiran sosial.

1.4 TUJUAN KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap kecerdasan emosi melalui lima domain utama model kecerdasan emosi Goleman iaitu kesedaran sendiri, pengawalan sendiri, motivasi sendiri, empati dan kemahiran sosial berdasarkan demografi umur dan pengalaman pelajar FTV.

1.5 OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini adalah untuk:

- i. Mengetahui tahap kecerdasan emosi pelajar FTV melalui model kecerdasan emosi Goleman
- ii. Mengetahui perbezaan tahap kecerdasan emosi pelajar FTV berdasarkan demografi umur
- iii. Mengetahui cadangan bagi pelajar FTV mengekalkan tahap kecerdasan emosi dalam keadaan stabil


1.6 PERSOALAN KAJIAN

Secara khususnya, kajian ini bertujuan untuk mencari jawapan kepada beberapa persoalan kajian berikut:

- i. Apakah tahap kecerdasan emosi pelajar FTV melalui model kecerdasan emosi Goleman ?
- ii. Adakah terdapat perbezaan tahap kecerdasan emosi pelajar FTV berdasarkan demografi umur?
- iii. Apakah cadangan bagi pelajar FTV mengekalkan tahap kecerdasan emosi dalam keadaan stabil?

1.7 KERANGKA KONSEP KAJIAN

Hubungan di antara kecerdasan emosi dan demografi pelajar FTV UPSI dapat dilihat padarajah 1.1.



Rajah 1.1: Kerangka konsep kajian



Berdasarkan Rajah 1.1 di atas, kerangka konsep menerangkan bahawa tahap kecerdasan emosi iaitu kesedaran sendiri, pengawalan sendiri, motivasi sendiri, empati dan kemahiran sosial diuji berdasarkan kepada demografi pengalaman dan umur pelajar FTV. Dalam kajian ini, soal selidik berdasarkan model kecerdasan emosi Goleman digunakan untuk mengenal pasti tahap kecerdasan emosi pelajar FTV di UPSI. Berdasarkan persoalan kajian yang dinyatakan, jika pengalaman pelajar adalah tinggi, adakah tahap kecerdasan emosi pelajar FTV juga akan tinggi? Manakala jika pengalaman pelajar adalah rendah, adakah tahap kecerdasan emosi pelajar juga akan rendah? Begitu juga dengan faktor umur, di mana adakah tahap kecerdasan emosi pelajar FTV akan tinggi jika pelajar lebih berumur atau sebaliknya. Dalam konteks kajian ini, model kecerdasan emosi Goleman merupakan pembolehubah bersandar di mana ianya diuji berdasarkan demografi pengalaman pelajar dan umur pelajar yang merupakan pembolehubah kategori bebas.



1.8 KEPENTINGAN KAJIAN

Kepentingan kajian ini membantu beberapa pihak terutamanya pihak pentadbiran pelajar FTV agar dapat mengenal pasti tahap perkembangan kecerdasan emosi diri mereka di mana pengawalan emosi memberi kesan dan mempengaruhi prestasi akademik serta tingkah laku mereka sebagai seorang pelajar. Selain itu, kajian ini dapat memudahkan pendidik ataupun para pengajar membuat perancangan yang lebih bersesuaian dengan keadaan pelajar. Pensyarah juga boleh merangka pendekatan serta aktiviti yang bersesuaian bagi meningkatkan prestasi akademik dan cara tingkah laku seseorang pelajar serta dapat membantu pelajar dengan berkaitan pengurusan emosi demi menjadikan mereka pelajar yang cemerlang.

1.9 SKOP KAJIAN

Kajian ini telah dijalankan ke atas pelajar-pelajar FTV di Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim, Perak. Model kecerdasan emosi Goleman yang dinilai melibatkan domain kesedaran sendiri, pengawalan sendiri, motivasi sendiri, empati dan kemahiran sosial. Dapatan hasil kajian ini hanya sah digunakan di kawasan yang di kaji sahaja. Segala data adalah bergantung kepada maklumat yang diberi pemerhatian serta pengalaman pengkaji.

1.10 BATASAN KAJIAN

Kajian ini dijalankan kepada pelajar FTV di Universiti Pendidikan Sultan Idris. Dapatan kajian yang diperoleh hanya boleh digeneralisasikan kepada pelajar FTV di UPSI sahaja dan tidak boleh dibuat generalisasi sebagai mewakili pelajar FTV di institusi pengajian tinggi di Malaysia lain yang mungkin tidak mempunyai kriteria latar belakang yang sama. Kajian ini telah dinilai melalui model kecerdasan emosi Goleman iaitu kesedaran sendiri, pengawalan sendiri, motivasi sendiri, empati dan kemahiran sosial. Instrumen kajian yang digunakan adalah soal selidik berdasarkan domain kecerdasan emosi. Keputusan kajian bergantung kepada kejujuran dan kefahaman pelajar dalam menjawab soal selidik yang diberikan. Oleh itu, penilaian yang dijalankan bergantung sepenuhnya terhadap keikhlasan responden dalam membantu penyelidik menjalankan kajian ini.